

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1442H / 2021M
OLEH
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TUN DATUK SERI PANGLIMA
(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN

Bismilahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Syukur Alhamdulillah, sekali lagi Allah SWT mempertemukan kita di pagi Syawal Tahun 1442 Hijriyah bersamaan 2021 masihi. Sewajarnya kita meriahkan pagi Syawal ini dengan agenda mengagungkan Allah dan menzahirkan kesyukuran kepada-Nya dengan lantunan takbir, tahlil dan tahmid. Tidak lupa juga kita ucapkan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW, keluarga serta sahabat baginda yang dianugerahkan keredhaan Allah ke atas mereka.

Kaum Muslimin Yang Dikasihi Allah SWT,

2. Aidilfitri hendaklah dijadikan sambutan yang menyinarkan cahaya murni Islam. Melalui sifat baik sangka, sifat bersaudara, sifat terbuka umat Islam meraikan perbezaan, berlapang dada dan saling bermaafan serta peduli dengan jiran tetangga sama ada saudara seagama mahupun berlainan agama.

3. Sambutlah Aidilfitri mengikut lunas yang ditetapkan syarak iaitu lunas yang memiliki nilai ibadah, agar amal makruf yang dilakukan sepanjang Ramadhan, menjadi lengkap dan sempurna. Hindarkan diri daripada melakukan kemungkar, pembaziran serta perbuatan bermewah-mewah. Hargai suasana yang membolehkan warga daripada pelbagai agama, hidup dalam harmoni, turut bersama meraikan kerianggan Aidilfitri di negeri Sabah tercinta. Semaikan rasa syukur terhadap nikmat dan rezeki kurniaan Ilahi, dengan memperbanyakkan sedekah

kepada golongan daif mahupun golongan yang memerlukan bantuan.

Muslimin Muslimat Yang Dihormati,

4. Sekali lagi, pada tahun ini merupakan tahun kedua kita meraikan Aidilfitri dalam suasana norma baharu. Mudah-mudahan rakyat di negeri ini dapat menyesuaikan diri menjalani kehidupan seharian dengan norma baharu tersebut. Masyarakat perlu akur dengan situasi sekarang dan mematuhi setiap arahan mahupun saranan kerajaan, terutamanya dalam pematuhan Prosedur Operasi Standard (S.O.P) semasa sambutan Aidilfitri kerana ia merupakan langkah pencegahan bagi membendung penularan COVID-19. Perlu diingat, kita masih belum menang, malahan kita patut bersedia fizikal dan mental, bahawa wabak ini akan terus berada di dalam kehidupan kita sama seperti kita hidup dengan persekitaran sebelum tercetusnya wabak.

5. Tidak dinafikan bahawa penularan COVID-19 merupakan suatu musibah besar buat umat Islam. Namun, seperti yang kita ketahui bahawa antara hikmah di sebalik setiap musibah yang berlaku itu adalah supaya kita kembali kepada Allah SWT iaitu kita perlu bersangka baik kepada-Nya, melakukan ikhtiar, memperbanyakkan doa, bersabar dan tawakkal hanya kepada-Nya semata-mata.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Mulk, ayat 2 yang bermaksud:

“Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup kamu yakni untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu. Maka siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya kerana sesungguhnya Allah Maha Berkuasa membalas amal kamu. Dan ingatlah bahawa Allah SWT Maha Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat”.

Muslimin Muslimat Aidilfitri Yang Berbahagia,

6. Agama bukan ibarat candu yang hanya menjadi ubat penenang pada waktu tertentu bagi melenyapkan perasaan sukar serta melarikan diri daripada kesusahan. Sebaliknya, agama adalah satu cara hidup yang sehati dan berkekalan. Justeru kita perlu meyakini bahawa setiap kepayahan pasti diiringkan dengan kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Surah al-insyirah, ayat 5 yang bermaksud:

“Oleh itu, maka tetapkanlah kepercayaanmu bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran selepasnya disertai kemudahan”.

Melalui ayat tersebut dapat kita fahami bahawa setiap sesuatu yang berlaku pasti ada sebab dan musababnya.

Saudara Saudari, Muslimin Muslimat Yang Dikasihi,

7. Dalam keriangannya kita menyambut Aidilfitri, sama-sama kita hargai pengorbanan serta perkhidmatan yang

disediakan oleh pelbagai pihak yang membolehkan Aidilfitri disambut dalam suasana aman, tenteram, meriah meskipun secara bersederhana. Ketika majoriti warga bercuti menyambut Hari Raya, mereka sentiasa bersedia melaksanakan pelbagai tugas penting seperti para anggota pasukan keselamatan, polis dan angkatan tentera. Begitu juga mereka yang diperlukan mengendalikan perkhidmatan 24 jam sehari; merangkumi anggota bomba, kakitangan penjara, imigresen dan kastam; kakitangan hospital, sektor pengangkutan dan perkhidmatan, tidak lupa juga kakitangan media, radio dan televisyen.

Kepada mereka dan anggota keluarga mereka, saya dan Toh Puan menzahirkan penghargaan. Semoga pengorbanan mereka diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sebagai amal makruf yang dikurniakan keberkatan semasa di dunia, dilimpahkan rahmat keselesaan ketika di alam barzakh dan diberatkan timbangan 'amal ketika di padang mahsyar. **Allahumma Amin Ya Rabbal 'Alamin.**

8. Mengakhiri ucapan ini, saya dan keluarga juga ingin mengucapkan **selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, mohon maaf zahir dan batin kepada rakyat di negeri ini.** Marilah terus kita semarakkan Aidilfitri dengan lafaz takbir sebagai simbol kesyukuran selepas melalui madrasah sebulan di bulan Ramadhan. Dalam sebuah Hadis Riwayat Anas, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Hiasilah Hari Raya kamu dengan bertakbir” (Hadith Riwayat at-Tabrani)

***Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,
Allahu Akbar Walilla Hilham.***

Sekian.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamu ‘alaikum
Warahmatullahi Ta’ala Wa Barakatuh.***